

# CARI ALTERNATIF BARU — PPM

**K**UALA LUMPUR 13 Jun — Malaysia tidak terkejut dengan keputusan kumpulan orang ternama Komanwel (EPG) untuk membatalkan sahaja inisiatif keamanannya di Afrika Selatan disebabkan sikap tidak mahu bertolak ansur rejim kulit putih Pretoria. **UM 14 JUN 1986**

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata Malaysia selama ini meragui kejayaan usaha Komanwel sejak EPG ditubuhkan pada sidang kemuncak Komanwel di Nassau, Bahamas.

"Sekarang Komanwel terpaksa menimbang alternatif untuk mewajibkan sekatan ekonomi secara menyeluruh memandangkan kegagalan EPG itu," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra pada akhir inisiatif keamanan EPG di Afrika Selatan. Datuk Sri Dr. Mahathir yakin penuh bahawa tidak ada senjata lain yang lebih berkesan daripada sekatan ekonomi untuk memaksa rejim perkauman bagi membenteras apartied.

Usaha untuk menamatkan pertumpahan darah dan kemafian di Afrika Selatan menjadi semakin terdesak sekarang memandangkan bertambahnya langkah-langkah menekan oleh rejim kulit putih di Pretoria terhadap majoriti kulit hitam.

Dengan demikian beliau menggesa Komanwel dan masyarakat antarabangsa menimbang dengan serius untuk mewajibkan sekatan ekonomi itu.

Kerajaan Afrika Selatan telah mengisytiharkan darurat di seluruh negara dan memberkas sekurang-kurangnya 1,000 orang dalam percubaan menghancurkan pemberontakan orang-orang kulit hitam.

Bagaimanapun para pemimpin anti apartied dan perniagaan Afrika Selatan berkata, perisytiharan darurat itu boleh mencetuskan rusuhan anti-apartied yang lebih hebat dan membahayakan kedudukan ekonomi negara.

Kelmarin, EPG telah mengeluarkan satu laporan di London selepas gagal mendamaikan Kerajaan Afrika Selatan dan penentang-penentang apartied.

Sambil mengingatkan

LIHAT MUKA 4

# RNVA TIF

# Afrika Selatan: Malaysia tak terkejut

UM 14 JUN 1986

bahawa Afrika Selatan akan mengalami pertumpahan darah yang paling dahsyat sejak Perang Dunia Kedua, kumpulan itu mencadangkan sekatan ekonomi dikenakan terhadap rejim Pretoria secepat mungkin.

Kumpulan itu di bawah pimpinan bekas Perdana Menteri Australia Malcolm Fraser ditugaskan untuk mencari jalan untuk menghapuskan sistem apartied secara berperingkat - peringkat tetapi kerajaan Pretoria didakwa tidak ikhlas dalam perundingan. Laporan itu memvifatkan

perjuangan kaum kulit hitam Afrika Selatan sebagai sah, malahan ia juga yakin mereka akan menang. Oleh kerana itu mereka akan terus berjuang dan mengorbankan segala - galanya.

Mengenai keengganan Kerajaan British mengenakan sekatan ekonomi ke atas rejim Pretoria, laporan itu berkata, Afrika Selatan tidak akan hancur akibat tindakan itu tetapi oleh kerana kesetiaannya kepada sistem apartied dan kegagalannya membawa pembaharuan.